

15 OCT 2003

OIC-Berjaya

PERSIDANGAN OIC DI MALAYSIA BERJAYA DARI SEGENAP SUDUT

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 yang bermula esok akan berjaya mencapai matlamatnya, kata Penolong Setiausaha Agung OIC Azzat Mufti hari ini.

"Saya ingin memberi jaminan sidang kemuncak yang akan bermula esok akan berjaya di segenap sudut," katanya kepada pemberita di sini.

Terdahulu beliau menghadiri pelancaran buku "Dr Mahathir from an Arab and Islamic Perspective" yang disempurnakan oleh Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Azzat berkata beliau yakin persidangan itu berjaya kerana ia diadakan di Malaysia yang sentiasa mendapat penghormatan dan pujian daripada banyak pihak.

"Buktinya kehadiran para pemimpin negara yang ramai menunjukkan kepentingan persidangan ini...persidangan ini akan berjaya dan ini yang kami pentingkan," katanya.

Sebanyak 35 ketua negara dan kerajaan akan menyertai persidangan peringkat ketua negara yang akan diadakan selama dua hari mulai esok.

Ia merupakan bilangan terbesar para pemimpin Islam menghadiri satu-satu persidangan sejak serangan 11 Sept 2001 ke atas Amerika Syarikat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusi mesyuarat itu yang pertama kali diadakan di rantau Asia Pasifik sejak OIC ditubuhkan pada 1969.

-- BERNAMA

MT MI AZZ ROS